

PM mahu pegawai tadbir kerajaan bersikap terbuka

BH 23 MAR 1990

GENTING HIGHLANDS, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa pegawai tadbir dalam perkhidmatan kerajaan supaya bersikap terbuka terhadap pembaharuan dan cabaran dekad 90-an.

Beliau berkata, sikap menolak pembaharuan yang boleh mendatangkan manfaat haruslah dikikis kerana amalan tradisi yang memandang

ringan terhadap buah fikiran bercorak kemajuan akan melambatkan proses pembangunan negara.

"Setiap pembaharuan perlu dicuba dan diamalkan secara positif bagi menjamin proses pembangunan sosioekonomi negara berjalan lancar," katanya di sidang akhbar selepas mengadakan perjumpaan tertutup dengan 97 pegawai tinggi kerajaan, di sini, hari ini.

Menurutnya, sesuai dengan cabaran dekad 90-an, agensi kerajaan harus memikul tanggungjawab sebagai ejen pertumbuhan ekonomi negara, dengan matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

Perdana Menteri berkata, pandangan membina terhadap pembaharuan adalah penting bagi melaksanakan dasar Persekutuan Malaysia dan Pengswastan agensi kerajaan.